

Pertemuan bermakna

UM 10 JUN 2002

Oleh AZIZ ISHAK
(DARIPADA VATICAN CITY)

PERTEMUAN antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Pope John Paul II di Vatican City **kelmarin cuma** sekitar 30 minit. Interaksi antara kedua-dua pemimpin itu **juga tidak banyak** kerana keuzuran Pope.

Namun keterbatasan dari **segi** masa dan kesihatan itu tidak dapat **menafikan hakikat** bahawa **pertemuan** itu **memberi signifikan** besar kepada Malaysia dan dunia **keseluruhannya**.

Apatah **lagi** buat pertama kalinya **barisan** pemimpin **kanan** yang **bertanggungjawab** dalam pentadbiran Vatican dapat bersemuka dan berbincang **panjang** dengan **Perdana Menteri** yang **mereka** hormati sebagai pemimpn Islam yang progresif dan sederhana.

Kepada mereka, Dr. Mahathir adalah **pemimpin** dari **sebuah** negara model Islam kerana kejayaan **mengurus** pelbagai kaum dan agama dengan baik ketika kebanyakan negara tidak mampu **men**capai tahap itu.

Kepada mereka **lagi**, **Perdana Menteri** bukan **setakat** pemimpin Malaysia, **Pengerusi** Pertubuhan Persidangan **Negara** Islam (OIC) dan **Pengerusi** **Pergerakan** **Negara** Berkecuali (NAM) **bahkan**

ia merupakan dakwah terbaik apatah **lagi** pada era ini supaya Islam tidak ketinggalan," katanya.

Bagi **Perdana Menteri**, misi beliau menemui Pope dan kepimpinan Vatican telah tercapai dalam membawa agenda keamanan khususnya isu penindasan Israel ke **atas Palestin** dan menangani **punca keganasan**.

Beliau yang berpuas **hati** dengan **la**watan **tersebut nampaknya komited** dalam menggerakkan **strategi** baru melobi masyarakat antarabangsa **bagi** **men**amatkan **sama** sekali penindasan Israel ke **atas Palestin** dengan **mengesyorkan** beberapa langkah awal seperti **peranan** pihak ketiga dan **pasukan** pengaman.

Pope dan komuniti gereja Vatican di **sini** sependapat dengan **Perdana Menteri** **terhadap** usaha sedemikian dan langkah yang lebih berkesan.

Pope yang sememang mempunyai polisi yang realistik **terhadap** krisis **Israel-Palestin** sejak beberapa tahun kebelakangan **ini banyak** member-i simpati kepada **Palestin** dan **saranan** kepada kedamaian di Asia **Barat**.

Setelah menemui Presiden **Amerika** Syarikat, George W. Bush **pada** **Mei** lalu, menulis surat kepada **para** pemimpin Eropah dan **vang** terbaru menemui

mampu menawarkan kepimpinan untuk dunia yang boleh dimanfaatkan oleh penganut pelbagai agama.

Sebelum menyampaikan undangan, Pope dan barisan pemimpin Vatican termasuk Setiausaha Negara, Cardinal Angelo Saldano yang bertaraf Perdana Menteri telah mendapatkan banyak maklum balas mengenai Malaysia dan Dr. Mahathir daripada pelbagai sumber. Difahamkan, pernah ada usaha untuk menjayakan imej Malaysia di Vatican City sebelum ini.

"Cubaan itu turut melibatkan orang Islam sendiri," kata satu sumber.

Bagaimanapun Pope dan para pemimpin gereja Katolik tidak mudah terpengaruh dengan percubaan sedemikian kerana mereka mempunyai penilaian sendiri tanpa bergantung kepada media Barat dan pelobi-pelobi yang bermuslihat.

Sebab itulah dalam perbincangan delegasi melibatkan Dr. Mahathir dan Saldano, pemimpin kanan Vatican itu menyatakan penghargaan kepada kerajaan Malaysia kerana mengamalkan kebebasan dan toleransi agama termasuk kepada penganut Katolik dan golongan minoriti.

"Malaysia merupakan negara yang harus dipuji kerana mengurus penduduk pelbagai kaum dan agama dengan baik. Kejayaan itu boleh dijadikan model oleh umat manusia demi kesejahteraan sejagat maka pertemuan ini cukup penting," kata jurucakap Pope, Ciro Benedittini ketika mengulas lawatan pertama oleh ketua kerajaan Malaysia ke Vatican City atas undangan Pope.

Malah kerajaan negara terkecil di dunia itu amat berharap dapat meningkatkan hubungan diplomatik dengan Malaysia, yang sedikit sebanyak akan memberi kesan positif kepada strategi

diplomasi negara terutama di Eropah dan komuniti Katolik antarabangsa.

Rumusan awal kepada lawatan Perdana Menteri dan pertemuan dengan Pope ialah pihak Roman Katolik yang berpengaruh terutamanya di Barat secara tidak langsung memperakukan Malaysia sebagai negara Islam yang tidak boleh dipinggirkan dalam arena perhubungan antarabangsa.

Lebih daripada itu, ia akan mendorong mewujudkan persefahaman lebih baik antara Islam dan Kristian serta kerjasama dalam menyelesaikan konflik antara agama.

Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir walaupun mengamalkan dasar luar realistis, yang antara lain boleh dicerminkan dengan keberanian menegur salah laku kuasa besar dan membangkitkan soal kepincangan dunia pada masa yang sama berpegang kuat kepada diplomasi konstruktif.

Itu semua berteraskan diplomasi Islam yang tercerna dalam kepimpinan negara sama ada dalam konteks domestik melibatkan pengurusan semua agama dan kaum mahupun dalam perhubungan luar, sejak lima dekad lalu.

Hal itu lebih ketara dan kian disedari oleh masyarakat Islam antarabangsa dan dunia keseluruhannya selepas peristiwa 11 September 2001 tentang perlunya kesederhanaan, kebijaksanaan dan toleransi sebagai pendekatan terbaik.

Dengan kata lain, pendekatan Malaysia ini adalah formula paling sesuai untuk kehidupan berperadaban sepanjang zaman dan ramai yang lupa bahawa ia telah dirintis oleh Nabi Muhammad s.a.w menerusi Piagam Madinah.

Dialog agama, persefahaman antara para pemimpin daripada kalangan pelbagai agama dan keharmonian manusia

sejagat tanpa mengira agama adalah peninggalan amat besar daripada pemikiran dan kepimpinan Rasulullah.

Malangnya, apa yang berlaku sekarang ialah seolah-olah agama lain khususnya Katolik menerajui pendekatan sedemikian dan peranan masyarakat Islam tidak begitu ketara.

Peranan itu sebenarnya bukan eksklusif untuk Pope dan pemimpin gereja semata-mata sedangkan ia merupakan amalan pemimpin Islam zaman lampau yang membawa kepada kekuatan Islam. Padahal, Islam adalah agama sejagat dan pernah menerajui tamadun dunia pada era kegemilangannya.

Maka beberapa langkah pembetulan perlu dilakukan oleh negara-negara Islam dalam membangkitkan semula peranan sebagai agama sejagat lebih-lebih lagi selepas peristiwa 11 September, yang Islam dilihat seakan komunisme baru kepada dunia.

Dalam hubungan ini, setidak-tidaknya lawatan Dr. Mahathir ke Vatican City membuka dimensi baru dalam menyuburkan dialog antara agama dan ia merupakan landasan terbaik dalam menjernihkan kekeliruan dan salah faham penganut agama lain terhadap Islam.

"Kita akan membuat tindakan susulan menerusi perbincangan lanjut dengan pihak Vatican selepas ini," kata Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim yang turut mengiringi lawatan Perdana Menteri.

Dr. Ismail yang aktif dalam aktiviti dialog antara agama termasuk dengan wakil Pope sebelum ini melihat pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin tertinggi Katolik itu sebagai membuka jalan lebih luas kepada pembedayaan persefahaman agama pada era globalisasi yang amat mencabar ini.

"Diplomasi adalah tuntutan Islam dan

Pope, Dr. Mahathir nampaknya terus membuktikan komitmennya untuk membebaskan Palestin daripada penindasan Israel.

Mungkin terlalu awal untuk menilai kesan daripada strategi terbaru Perdana Menteri ini tetapi setidak-tidaknya beliau tidak putus ikhtiar dan tidak ber-sentimen semata-mate kerana itu bukanlah cara berkesan dalam membetulkan orde dunia kerana silap percaturan negara Islam akan mengalami nasib lebih buruk.

Tetapi kesan nyata ialah peranan Malaysia sebagai 'pemimpin baru dunia Islam' sudah diperakukan oleh negara-negara bukan Islam mahupun daripada kalangan negara Islam, meskipun Malaysia tidak pernah menganggap sedemikian apalagi untuk mendabik dada.

Apabila Dr. Mahathir melawat Pusat Kebudayaan Islam Rom dan bersembahyang Jumaat di sana selepas melawat Vatican City - imej Malaysia sebagai negara Islam yang dikagumi tidak dapat disangkal lagi dan ia jelas tercermin menerusi sambutan dan cakap-cakap di kalangan jemaah selepas itu.

Mereka bercakap tentang kewibawaan, keberanian dan kreativiti Dr. Mahathir ketika umat Islam ketandusan pemimpin bertaraf dunia yang benar-benar berwibawa pada masa ini.

Tetapi yang lebih menarik untuk diperkatakan dalam lawatan Perdana Menteri kali ini ialah bukannya keindahan seni bina zaman silam Rom, keunikan pasukan Swiss Guard yang mengawal Vatican City, saiz Vatican City sebesar kawasan projek KL Sentral atau mahupun Pope itu sendiri. Sebaliknya yang menuntun renungan ialah rupanya Malaysia sudah mampu membuat percaturan sendiri di peringkat antarabangsa untuk kepentingan umat Islam dan manusia sejagat.